

19/02/2001

Umno terima surat penangguhan Pas

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata beliau sudah menerima surat Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa hari ini, berhubung penangguhan pertemuan bagi perbincangan isu perpaduan nasional yang dijadualkan esok.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan lebih terperinci kandungan surat berkenaan tetapi menyatakan alasan Pas bagi penangguhan itu `bagi mewujudkan suasana yang lebih kondusif'.

"Ya, saya ada dapat surat rasmi daripada Pas melalui Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Mat Isa menyatakan kepada saya agar pertemuan yang dijadualkan esok, minta ditangguhkan," katanya selepas majlis makan Kenangan Budi dan Jasa, bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, di sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta keputusan Pas petang tadi, menangguhkan pertemuan dengan Umno dalam perbincangan isu perpaduan yang dijadualkan berlangsung esok.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Pas di markas parti itu di Taman Melewar di sini, petang ini berkata, Pas mahu Jawatankuasa Teknikal kedua-dua parti menyelesaikan dulu tiga perkara sebelum pertemuan pemimpin tertinggi diadakan.

Ditanya sama ada Pas ada menetapkan tarikh baru bagi pertemuan selanjutnya, Khalil berkata, pihaknya sehingga kini masih belum menerima sebarang maklum balas perkara itu.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Umno dalam pertemuan berkenaan sebaliknya berkata, pertemuan di peringkat jawatankuasa teknikal bagi kedua-dua parti bagaimanapun masih diteruskan.

"Lebih elok peringkat jawatankuasa teknikal berjumpa, bolehlah kita buat kenyataan bersama mengenai perkara ini," katanya.

Khalil berkata, beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut perkara itu.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut ditemui dalam majlis sama berkata, keputusan Pas menetapkan syarat dan menangguhkan pertemuan isu perpaduan dengan Umno dilihat sebagai satu tindakan tidak munasabah.

"Rakyat memang menunggu pertemuan itu kerana mereka meletakkan harapan besar kepada kedua-dua pihak untuk sama-sama berbincang atas kepentingan bersama atas nama perpaduan Melayu atau apa saja perkara yang nak dibincangkan," katanya.

Katanya, Umno sentiasa komited untuk secara terbuka membincangkan isu perpaduan dengan menimbang apa saja isu yang ingin dibincangkan dalam perbincangan berkenaan.

Katanya, Umno tidak akan melayan sebarang syarat baru yang ditetapkan oleh Pas bagi mengadakan pertemuan.

(END)